

13 DEC 1996

KEMENTERIAN KESIHATAN SELARAS USAHA PERANGI AIDS DAN PENYAKIT KELAMIN

KUALA LUMPUR, 13 Dis (Bernama) -- Kementerian Kesihatan akan menyelaraskan pada tahun depan semua program memerangi jangkitan HIV, AIDS dan penyakit kelamin di kalangan wanita.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata program itu membabitkan penyertaan semua pertubuhan kerajaan dan bukan kerajaan serta perkumpulan wanita seluruh negara.

"Program itu akan dilaksanakan selepas jawatankuasa pemandu program itu mengenal pasti segala keperluan, kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa kumpulan bertindak wanita mengenai program kesihatan itu di sini hari ini.

"Jawatankuasa itu akan menentukan aktiviti dengan merancang, mengkaji dan menyediakan program strategik yang menyeluruh dari peringkat nasional hingga ke peringkat daerah serta maklumat peringkat antarabangsa," katanya.

Siti Zaharah berkata sebelum itu jawatankuasa pemandu yang dianggotai Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan Datin Dr Harrison Aziz Sahabudin dan Presiden Majlis AIDS Malaysia (MAM) Marina Mahathir akan menilai program itu.

Beliau berkata program sekarang tiada integrasi kerana dijalankan oleh pertubuhan kerajaan atau bukan kerajaan dan perkumpulan wanita dengan pendekatan masing-masing.

Mesyuarat awal itu dihadiri 35 wakil pelbagai pertubuhan kerajaan, bukan kerajaan, pertubuhan wanita termasuk parti politik seperti Puspanita, Puteri Islam, MAM dan Wanita UMNO.

Menurut Siti Zaharah, walaupun kementerian selalu diminta memberi maklumat dan perkhidmatan, sukar untuk kementerian bertindak tanpa penglibatan pelbagai pihak dan strategi yang mantap.

Beliau berkata wanita mencatatkan 4.34 peratus daripada jumlah pembawa HIV dan penghidap Aids di seluruh negara dengan golongan berisiko tinggi dalam lingkungan umur 39 tahun ke bawah. -- BERNAMA

NHD FAZ